



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8,
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Kompleks Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
Fax : 03-8889 4548
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

KP(BPSH-SPDK)201/005/02/JLD. 3(2)
28 Jun 2011

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PRASEKOLAH KEMENTERIAN PELAJARAN
MALAYSIA (KPM)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa peruntukan yang terdapat dalam Seksyen 15, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menjelaskan bahawa Sistem Pendidikan Kebangsaan adalah melibatkan pendidikan prasekolah. Sebagaimana Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan maklum, pendidikan prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun beroperasi semenjak tahun 1992 dan bilangannya semakin bertambah dari setahun ke setahun.

3. Selaras dengan keperluan dan sasaran sub NKRA pendidikan prasekolah iaitu meningkatkan penyertaan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun di kelas prasekolah sebanyak 20% menjelang tahun 2012, kelas-kelas prasekolah di bawah KPM tidak lagi beroperasi hanya di sekolah-sekolah rendah. Pengoperasian tersebut telah diperluaskan ke lokasi dan premis lain seperti di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Institut Pendidikan Guru, Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Sains, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan seumpamanya. Kelas prasekolah turut beroperasi di bangunan sendiri di kawasan rumah-rumah panjang, di pusat-pusat komuniti/kampung dan lain-lain bangunan yang berada di luar kawasan pentadbiran sekolah/institusi/pejabat di bawah KPM (hanya terhad kepada kelas-kelas prasekolah yang berada di bawah tanggungjawab KPM sahaja).

4. Pengoperasian sedemikian didapati telah menimbulkan kekeliruan di peringkat pengurusan dan pentadbiran prasekolah yang berkaitan. Dengan ini KPM telah membuat ketetapan bahawa tanggungjawab untuk mengurus semua perkara yang berkaitan dengan prasekolah KPM adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Tempat Operasi	Tanggungjawab/Pengurusan	Catatan
i.	Sekolah Rendah (Harian/Agama/Pendidikan Khas)	Guru Besar sekolah berkenaan	Pusat Tanggungjawab masing-masing
ii.	Sekolah Menengah (Harian/Teknik/Sains/Agama/Pendidikan Khas)	Pengetua di mana prasekolah itu beroperasi	Pusat Tanggungjawab masing-masing
iii.	Institut Pendidikan Guru	Pengarah Institut Pendidikan Guru berkenaan	Pusat Tanggungjawab masing-masing
iv.	Bangunan sendiri di rumah-rumah panjang, di pusat-pusat komuniti dan lain-lain bangunan yang berada di luar kawasan sekolah/institusi/pejabat di bawah KPM (Hanya kelas prasekolah di bawah tanggungjawab KPM sahaja).	Guru Besar sekolah rendah yang berhampiran (<i>care-taker</i>).	Ketetapan akan dibuat oleh Ketua Pendaftar berpandukan maklumat negeri (Pusat Tanggungjawab adalah sekolah rendah berkenaan).
v.	Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah	Pengarah Pelajaran Negeri/Pegawai Pelajaran Daerah berkenaan	Pusat Tanggungjawab masing-masing

5. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon mengambil maklum dan seterusnya mengambil tindakan memanjangkan maklumat ini ke semua Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah di bawah pentadbiran masing-masing.

6. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' ABD GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran
3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Nazir, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia